

## KEBERKESANAN PENGGUNAAN PLATFORM MEDIA SOSIAL DALAM MENYEBARKAN KONTEN ILMIAH DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Nor Masitah Binti Abdul Manap

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tel: +60133707172 Email: nrmsthmanap@raudah.usim.edu.my

Rajihah Binti Idrus

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tel: +60138254669 Email: rajihah.idrus@raudah.usim.edu.my

Nidzamuddin Bin Zakaria

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Tel: +60196969991 Email: nidzamuddin@usim.edu.my

### ABSTRAK

Penggunaan teknologi informasi dan komunikasi (ICT) pada masa kini mengalami perkembangan yang pesat sebagai contoh media sosial, kebanyakan masyarakat menggunakan media sosial seperti Tiktok, Instagram, Facebook dan Twitter untuk mengetahui dan mempelajari ilmu-ilmu agama. Dengan berkembangnya teknologi dan kemudahan akses kepada media sosial, maklumat dapat tersebar dengan cepat. Kajian ini bermatlamat tentang keberkesanan penggunaan platform media sosial dalam menyampaikan konten ilmu di kalangan masyarakat di Malaysia berlandaskan Quran dan Sunnah. Selain itu, kajian ini juga membincangkan mengenai prinsip adab dan etika dalam penyebaran ilmu di media sosial bagi menjaga sensitiviti setiap kaum. Platform media sosial ini menjadi kegemaran masyarakat kerana sifatnya yang menggabungkan elemen audio dan visual yang padat serta ringkas. Namun, kita akan melihat sejauh mana keberkesanan penggunaan platform media sosial dalam menyampaikan ilmu bagi membangunkan perpaduan di negara ini. Objektif kajian adalah mengkaji keberkesanan penggunaan platform media sosial dan memberi landasan untuk memahami cara memaksimumkan manfaat teknologi dalam kalangan masyarakat. Metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif dengan menganalisis statistik dan mengumpulkan data daripada responden. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi panduan kepada mereka untuk menyebarkan konten ilmu secara aktif dalam penggunaan platform media sosial. Di samping itu, diharapkan juga agar kajian ini memberi kefahaman yang mendalam kepada masyarakat agar menerima budaya serta adat pelbagai kaum.

**Kata Kunci:** Teknologi, media sosial, ilmu dan budaya

### 1. Pengenalan

Pada era globalisasi ini, media sosial yang kini menjadi kegunaan rakyat Malaysia adalah media sosial disebabkan ianya bertepatan dengan kehendak penggunaannya dengan memaparkan konten yang menggabungkan elemen audio dan visual yang padat yang berdurasi pendek. Dan ianya adalah salah satu platform yang sangat berguna dan berkesan mengikut lapisan masyarakat dan menghubungkan para pengguna ke serata dunia. Media sosial juga kini telah menjadi sebahagian daripada kehidupan kita yang tidak dapat dipisahkan. Ia bukan sahaja berguna sebagai sumber hiburan, tetapi juga sebagai bentuk pembelajaran yang penting. Setiap orang akan mempunyai sekurang-kurangnya satu akaun media sosial.

Terdapat juga pendapat umum bahawa media sosial hanya akan membuang masa kerana ia mengalihkan fikiran marhaan. Walau bagaimanapun, ini tidak selalu berlaku. Jika kita lihat, ramai pengguna internet terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dari pelbagai kaum dan bangsa. Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka, media merupakan satu alat perantara komunikasi (perhubungan) dalam menghubungkan komunikasi antara manusia dan menyampaikan maklumat kepada orang ramai dengan cepat, manakala sosial pula adalah perihal kemasyarakatan dan juga pergaulan sesama manusia.

Dalam konteks ini, kajian ini bermatlamat tentang keberkesanan penggunaan platform media sosial dalam menyampaikan konten ilmiah di kalangan masyarakat Malaysia berlandaskan Quran dan Sunnah dan prinsip adab dan etika bagi menjaga sensitiviti setiap kaum. Dengan fokus pada analisis responden, kami akan menilai sejauh mana rakyat Malaysia menggunakan platform media sosial bagi menyampaikan konten ilmiah dan sejauh mana kandungan penyampaian mereka mengenai perpaduan masyarakat.

Melalui penelitian ini, diharapkan dapat memberikan pemahaman lebih mendalam tentang peranan platform media sosial sebagai medium konten ilmiah dan sejauh mana memberi impak positif dan negatif bagi memupuk masyarakat majmuk. Di samping itu, kita dapat melihat purata rakyat Malaysia yang menggunakan platform media sosial dengan sebaik mungkin atau sebaliknya. Kesimpulannya, kajian ini memberi kesan penggunaan platform media sosial dan kefahaman yang mendalam kepada masyarakat agar menerima budaya serta adat pelbagai kaum.

## 2. Objektif Kajian

Berdasarkan permasalahan kajian dia atas, berikut kajian ini dilakukan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

- 1) Memahami konsep platform media sosial
- 2) Mengkaji keberkesanan penggunaan platform media sosial dalam menyampaikan konten ilmiah
- 3) Memaksimumkan teknologi maklumat semasa bagi kalangan masyarakat majmuk dalam menyebarkan konten berbentuk ilmiah

## 3. Metodologi Kajian

Jenis kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kuantitatif. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik secara atas talian iaitu Google Form dalam mendapatkan maklumat berkaitan objektif yang dibentuk. Data-data dan maklumat yang diperolehi telah dianalisis.

## 4. Kajian Literatur

### Definisi Media Sosial

Media sosial adalah sebuah platform yang tidak asing lagi dikalangan masyarakat pada hari ini. Rata-rata daripada mereka pasti mempunyai media sosial. Sehubungan dengan itu, media sosial dapat ditakrifkan sebagai sebuah media online yang mempunyai keupayaan dalam berkongsi maklumat dan mencipta pengisian yang bermanfaat seperti menyebarkan maklumat melalui blog, wiki, forum online dan Instagram. Rangkaian sosial seperti blog dan wiki adalah salah satu bentuk media sosial yang paling biasa digunakan oleh orang di seluruh dunia. Pendapat lain mengatakan bahawa media sosial ialah media dalam talian yang menyokong interaksi sosial dan media sosial menggunakan teknologi berasaskan web yang mampu mengubah komunikasi menjadi dialog interaktif. Media sosial sebagai "sekumpulan aplikasi berasaskan Internet yang membina asas ideologi dan teknologi Web 2.0, dan yang membolehkan penciptaan dan pertukaran kandungan yang dijana pengguna" (Andreas Kaplan dan Michael Haenlein). Rangkaian sosial ialah tapak di mana semua orang ramai boleh membuat halaman web peribadi, kemudian berhubung dengan rakan untuk berkongsi maklumat dan berkomunikasi. Rangkaian sosial terbesar seperti Facebook, Myspace, Tiktok, Instagram dan Twitter. Jika media tradisional menggunakan media cetak dan media penyiaran manakala media sosial menggunakan internet untuk berinteraksi antara satu sama lain dalam jarak yang jauh mahupun dekat secara atas talian.

### **Peranan Media Sosial Dalam Penyebaran Konten Ilmiah**

Media sosial memiliki potensi besar dalam membentuk komuniti dan menyebarkan nilai-nilai perpaduan dengan berbagai cara. Selain itu, media sosial membantu masyarakat berinteraksi dan membentuk ikatan antara satu sama lain tanpa terikat oleh waktu dan jarak. Ini memungkinkan penyebaran ilmu dan komunikasi antar pengguna (Mohamed Mokhtar & Hj. Hassan, 2021). Para pendakwah juga menggunakan media sosial untuk berinteraksi dalam organisasi mereka dan berkongsi pesan agama secara luas, baik secara individu maupun kelompok (Hidayaturrahman & Putra, 2020). Dengan kemudahan ini, masyarakat dapat berkomunikasi dengan mudah melalui media sosial, yang dapat meningkatkan kesadaran sebagai anggota masyarakat dan memperluas jaringan kenalan dalam organisasi.

Di samping itu, media sosial juga berperanan penting dalam penyebaran ilmu dan maklumat yang berkaitan dengan perpaduan. Dengan adanya jalur internet yang pantas dapat membantu lagi penyebaran maklumat lebih meluas dalam perkongsian atas talian kepada masyarakat di pelusuk dunia tanpa sepadan. Menurut Ab Kadir et al. (2017) menerangkan bahawa media sosial menyediakan kemudahan untuk menyebarkan maklumat, mengemas kini maklumat, aktiviti pendidikan, dan mampu untuk berkomunikasi seperti membalas komen atau pertanyaan daripada pengguna media sosial yang lain. Tambahan pula, para ilmuan dapat meneroka tentang kemasyarakatan dengan mudah melalui media sosial walaupun dari rumah mereka dan menyampaikan maklumat kepada orang lain (Sule & Abdulkareem, 2020). Hal ini dapat memudahkan para ilmuan dalam menyampaikan ilmu-ilmu agama dan didikan kepada masyarakat mengenai informasi terkini yang bersangkutan paut dengan kemakmuran masyarakat.

Selain itu, menggunakan media sosial untuk berinteraksi dan membantu masyarakat adalah cara untuk memperkukuhkan komuniti masyarakat yang majmuk serta menyebarkan nilai-nilai perpaduan. Menurut kajian Sulaiman et al. (2022), banyak cendekiawan Islam menggunakan media sosial untuk menjelaskan pemahaman agama, memperbetulkan kesalahfahaman, dan memupuk semangat kebersamaan dengan berinteraksi dengan orang ramai. Tambahan pula, masyarakat majmuk dapat menerima maklumat pencerahan dan pemahaman yang terperinci mengenai isu-isu masyarakat melalui jawapan yang diberikan di media sosial. Dengan melakukan ini, masyarakat majmuk dapat membina hubungan yang kukuh sambil menggalakkan interaksi antara satu sama lain.

Dalam konteks ini, nilai dan prinsip Islam dapat disorot melalui media sosial dengan cara menampilkan isu-isu semasa terkini. Tambahan pula, remaja cenderung mencari informasi terkini melalui media sosial, menunjukkan bahawa banyak remaja menggunakan media sosial sebagai sumber informasi. Konten ilmiah juga semakin dimanfaatkan melalui platform media sosial agar relevan dengan situasi saat ini dalam masyarakat. Dengan ini, masyarakat dapat memperkenalkan nilai-nilai hidup bermasyarakat kepada dunia melalui media sosial untuk menghadapi berbagai isu yang ada.

### **Peranan Masyarakat Dalam Penggunaan Media Sosial**

Menurut penulis (Puji Rianto, Bagas Pambudi 2021) mengulas peranan orang ramai dalam media sosial sangat penting kerana mereka adalah pengguna utama yang mencipta, menggunakan dan berinteraksi dengan kandungan di platform. Orang ramai memainkan peranan dalam menghasilkan kandungan, memberikan maklum balas, dan mempengaruhi pendapat dan trend di media sosial. Selain itu, masyarakat juga berperanan dalam memastikan kelestarian dan keselamatan persekitaran digital dengan menggunakan media sosial secara bertanggungjawab dan mengelak penyebaran maklumat palsu atau berbahaya. Justeru, peranan aktif masyarakat dalam media sosial sangat

menentukan dalam membentuk dinamik dan budaya di platform ini. Menurut artikel (Muh. Iqbal Latief 2019) telah membincangkan peranan masyarakat dalam konteks dakwah. Ia menekankan kepentingan masyarakat dalam menerima dan menyahut mesej dakwah, serta peranan masyarakat dalam menyokong dan mengambil bahagian dalam usaha dakwah. Penglibatan masyarakat adalah penting untuk menjayakan aktiviti dakwah, kerana ia dapat membantu dalam menyebarkan mesej dengan berkesan dan memastikan impaknya kepada masyarakat. Menurut artikel (Jarir 2019) ini mengulaskan satu cara untuk berkomunikasi, bertukar maklumat dan mengukuhkan hubungan dengan orang lain dalam pelbagai bidang kehidupan. Memudahkan persahabatan di tempat kerja, sekolah dan komuniti lain. Memungkinkan untuk mendengar aduan orang ramai, mengisi masa lapang dan sebagai alat hiburan. Boleh dijadikan sebagai saranan untuk menambah ilmu. Justeru, masyarakat mempunyai peranan penting dalam memanfaatkan media sosial sebagai alat komunikasi, persahabatan, pertukaran maklumat dan hiburan dalam kehidupan seharian.

### **Kesahihan Maklumat Di Media Sosial**

Kesahihan dan kualiti sesuatu maklumat sangat mempengaruhi pengguna dengan memberi kesan terhadap kepuasan dalam menggunakan aplikasi seperti media sosial (Ritchi et al. 2015). Berdasarkan konteks media sosial, kualiti maklumat diukur berdasarkan kualiti isi kandungan yang mampu memberi impak dalam meningkatkan kepuasan pengguna terhadap komunikasi dalam talian (Mohd Azul, 2012). Kualiti maklumat juga merupakan aspek penting dalam perkongsian maklumat kerana pengguna hanya akan berkongsi maklumat yang berkualiti dan penting dengan pengguna lain. Berdasarkan para pengkaji, mereka mentakrifkan bahawa sesebuah maklumat yang berkualiti adalah data yang sangat bernilai kepada pengguna (Batini et al. 2009). Walau bagaimanapun, setia maklumat yang berkualiti hendaklah dinilai berdasarkan kesesuaian yang diperlukan kerana setiap maklumat mempunyai ciri-ciri kualiti yang berbeza berdasarkan konteks dan tujuan kegunaan maklumat tersebut (Kargar & Azimzadeh 2009).

Menurut Ritchi et al. (2015), elemen utama teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) yang digunakan untuk mengukur kualiti maklumat di sektor swasta mesti disesuaikan dengan penilaian sistem maklumat. Berdasarkan beberapa kajian mengenai topik ini, beberapa faktor digunakan untuk mengukur kualiti maklumat di rangkaian sosial. Antaranya ialah kajian kes mengenai kriteria kualiti maklumat di blog (Kargar & Azimzadeh 2009). Mereka mendapati terdapat sembilan (9) ciri utama maklumat berkualiti seperti ketepatan, koherensi, kepekatan, kesempurnaan, kebolehpercayaan, kebolehfahaman, objektiviti, kebergunaan maklumat) dan persembahan yang menarik. Berdasarkan analisis keutamaan ciri dan skor purata tertinggi bagi kriteria kualiti maklumat ialah mudah difahami, kegunaan maklumat, ketepatan, kelengkapan maklumat dan kegunaan maklumat tepat pada masanya. Hasil kajian ini konsisten dengan kaedah penilaian kualiti data yang dicadangkan oleh Batini et al. (2009). Mereka berpendapat bahawa terdapat lima (5) ciri utama yang menentukan kualiti maklumat iaitu ketepatan maklumat, kebolehfahaman, kesempurnaan, kegunaan dan ketepatan masa.

### **Etika Dalam Penggunaan Media Sosial**

Berdasarkan sebuah jurnal yang berjudul “Adab terhadap informasi digital sebagai kerangka pikir pendidikan islam tentang etika penggunaan teknologi informasi” menerangkan bahawa etika terhadap maklumat digital sewajarnya menjadi sebahagian daripada kurikulum Pendidikan Islam. Hal ini kerana, teknologi maklumat yang menjadi asas kepada maklumat digital sudah digunakan secara meluas dalam masyarakat hari ini (Zarwan W. , 2023). Namun begitu, konsep etika yang berkaitan dengan maklumat digital kebiasanya dikuasi oleh orang Barat. Walaupun banyak konsep yang berguna, namun ianya tidak sepenuhnya menepati kriteria umat islam yang mempunyai sudut

pandangan dunia yang berbeza dengan pandangan budaya Barat. Oleh demikian, umat Islam seharusnya merangka sebuah konsep etika terhadap maklumat digital berdasarkan pandangan mereka yang menepati syariah Islamiyyah. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk merumuskan adab sebagai rangka kerja bagi etika Islam terhadap maklumat digital.

Seterusnya, berdasarkan sebuah buku yang berjudul “Adab Bermedia Sosial dalam Pandangan Islam” dari penulisan Juminem J. (2019), beliau berpandangan bahawa media sosial seolah-olah sudah menjadi satu keperluan dalam kehidupan manusia. Hal ini dapat dilihat apabila masyarakat kini sering kali mengakses internet untuk berinteraksi antara satu sama lain serta berhubung dengan perkembangan semasa di media sosial seperti berita daripada ibu bapa, rakan sekerja, adik-beradik atau informasi daripada kumpulan tertentu. Penulisan artikel ini bertujuan untuk menganalisis bagaimana etika media sosial dari sudut Islam. Cara dan method penulisan yang digunakan adalah kajian literatur dengan merujuk kepada beberapa sumber rujukan seperti sumber primer mahupun sumber sekunder yang menggunakan beberapa kitab, al-Quran, al-hadith dan jurnal.

### **Kesan Penggunaan Media Sosial Dalam Menyebarkan Konten Ilmiah**

Dalam penulisan mereka yang berjudul "Penggunaan Media Sosial sebagai Medium Dakwah Islam dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang," Mokhtar, M., & Hassan, H. (2021) menyatakan bahawa kajian mereka berdasarkan pengamatan terhadap penggunaan media sosial sebagai platform konten ilmiah dan penyebarannya secara meluas tanpa kawalan melalui platform media sosial. Mereka mengakui kebimbangan terhadap potensi penyebaran maklumat yang tidak terkawal melalui media sosial yang mungkin mengundang kekeliruan, penipuan, penyebaran ajaran sesat dan perpecahan masyarakat. Menurut kajian mereka, masyarakat khususnya bimbang terhadap kesahihan kandungan mesej dakwah yang disampaikan melalui media sosial, dan terdapat ketidakpuasan terhadap kualiti maklumat yang disampaikan. Demikian itu, kajian ini memberikan peluang untuk mengkaji sejauh mana media sosial digunakan sebagai platform penyampaian ilmu dan apakah kesan mesej ilmu yang boleh diterima melalui platform ini.


### **5. Kajian Soal Selidik**

Suatu kajian untuk membahas hasil analisis dan temuan daripada kajian yang dilakukan menggunakan soal selidik. Soal selidik ini diedarkan kepada masyarakat umum, termasuk pelajar dari Universiti Sains Islam Malaysia dan Guru Sekolah Sungai Ara Perak. Selain itu, soal selidik juga dihantar kepada saudara-mara dan keluarga terdekat melalui platform Whatsapps. Kajian ini berfokus pada keberkesanan platform media sosial dalam menyampaikan konten ilmiah kepada masyarakat. Seramai 31 orang responden telah menyumbang kepada hasil kajian ini.

Data kajian dianalisis menggunakan perisian Google Form, dan hasilnya dikemukakan dalam bentuk peratusan. Analisis soal selidik bertujuan menjawab persoalan kajian dan memenuhi objektif kajian yang telah ditetapkan.

Adakah anda seorang pengguna media sosial?


31 responses



Rajah 1

Apakah aplikasi media sosial yang sering digunakan?

31 responses




Rajah 2

Berdasarkan gambar rajah 1 majoriti responden pengguna media sosoal iaitu sebanyak 100%. Seterusnya bagi Rajah 2 sebanyak 61.3% iaitu seramai 19 orang responden mempunyai aplikasi Tiktok dan sebanyak 12.9% responden mempunyai Instagram serta 19.4% mempunyai aplikasi Whatsapps. Seramai 2 orang responden iaitu (6.5%) sering menggunakan aplikasi Youtube.

Berapa lamakah masa anda menggunakan media sosial dalam sehari ?


31 responses



Rajah 3

Berapakah kekerapan anda menggunakan media sosial untuk mencari konten ilmiah?

31 responses




Rajah 4

Berdasarkan gambar rajah 3 di atas, majoriti responden yang menggunakan media sosial dalam sehari kurang dari 6jam. Hanya 19.4% menggunakan media sosial dalam sehari lebih dari 10 jam, manakalah masa yang digunakan bagi media sosial dalam sehari iaitu kurang 3 jam dan kurang 10 jam adalah sama sebanyak 8 orang responden (25.8%). Seterusnya, gambar rajah 4 memaparkan sebanyak 64.5% iaitu 20 orang responden terlibat kekerapan menggunakan media sosial untuk mencari konten ilmiah di antara 1-2 jam. Hanya 19.4% yang mencari konten ilmiah di antara kurang 1 jam. Ini sangat memuaskan kerana penggunaan media sosial terlalu juga, akan membahayakan mata kerana terdedah terlalu lama dengan cahaya gajet. Manakala 9.7% responden menggunakan media sosial untuk mencari konten ilmiah antara 2-3 jam dan juga 6.5% juga responden yang menggunakan media sosial untuk mencari konten ilmiah lebih dari 3 jam. Hal ini kerana, majoriti penceramah mahupun pelajar-pelajar banyak menyampaikan konten ilmiah melalui platform media sosial kerana lebih terbuka dan senang untuk semua masyarakat.

Adakah anda bersetuju bahawa media sosial dapat membentuk masyarakat majmuk?


31 responses



Rajah 5

Adakah anda bersetuju mengenai konten yang melibatkan kaum yang pelbagai?


31 responses



Rajah 6

Adakah media sosial memberi impak positif bagi memupuk perpaduan masyarakat?

31 responses




Rajah 7

Soalan adakah anda bersetuju bahawa media sosial dapat membentuk masyarakat majmuk? Sebanyak 27 orang responden iaitu 87.1% mengatakan ya manakala 4 orang responden iaitu 12.9% berkata tidak. Ini kerana, terdapat beberapa isu kemasyarakatan yang dibangkitkan dan menjadi punca ketidakmukmuran bagi masyarakat majmuk. Selain itu, berdasarkan rajah 6 sebanyak 31 orang responden (100%) bersetuju bahawa konten-konten di media sosial yang melibatkan kaum yang pelbagai. Hal ini kerana, ini adalah salah satu faktor bagi mengeratkan dan menyatupadukan masyarakat yang berbilang kaum di Malaysia. Seterusnya, rajah 7 memaparkan sebanyak 6.5% iaitu seramai 2 orang responden mengatakan tidak malah sebanyak 93.5% iaitu seramai 29 orang mengatakan ya bagi soalan adakah media sosial memberi impak positif bagi memupuk perpaduan masyarakat.



Nyatakan aspek tema yang sesuai untuk dijadikan konten ilmiah bagi memupuk masyarakat majmuk

31 responses




Rajah 8

Sebanyak 6 tema diberikan kepada responden bagi aspek tema yang sesuai untuk dijadikan konten ilmiah bagi memupuk masyarakat majmuk. Majoriti yang banyak adalah tema pemahaman kebudayaan dan kepercayaan iaitu seramai 12 orang responden (38.7%) manakala yang paling rendah adalah tema ekonomi iaitu seramai 2 orang responden (6.5%). Seterusnya, sebanyak 25.8% iaitu seramai 8 orang responden bersetuju bahawa tema pendidikan dijadikan konten bagi memupuk masyarakat majmuk. Ini kerana tema pendidikan mempunyai skop yang luas bagi pelajar-pelajar mengetahui dan memahami cara pendidikan di setiap sekolah mahupun universiti. Manakala seramai 6 orang responden iaitu 19.4% mengatakan tema komunikasi antarbudaya (penggunaan Bahasa) lebih sesuai dijadikan konten kerana masyarakat kini harus mempelajari bahasa setiap kaum bagi memudahkan cara komunikasi antara satu sama lain. Sebanyak 9.7% iaitu seramai 3 orang bersetuju tema integrasi dan perpaduan dijadikan konten, melalui konten ini kita dapat menyatukan pelbagai kaum dan bangsa bagi menyempurnakan hasrat dan cita-cita negara.

Dalam skala 1-5, dengan 5 sebagai yang paling rendah dan 1 sebagai yang paling tertinggi. Sejauh mana anda berpuas hati dengan keberkesanan media sosial dalam menyampaikan konten ilmiah?

31 responses



Pada bahagian ini, kajian menfokuskan pada jawapan tentang adakah media sosial adalah satu cara yang sesuai untuk menyampaikan konten ilmiah bagi memupuk perpaduan masyarakat. Sejauh mana responden berpuas hati dengan keberkesanan menyampaikan konten ilmiah di platform media sosial, peratusan penglibatan responden dalam mengkaji keberkesanan penggunaan platform media sosial

dalam menyampaikan konten ilmiah dalam masyarakat majmuk adalah peratusan yang amat besar iaitu 35.5% seramai 11 orang responden bersifat neutral iaitu diantara sangat setuju dan sangat tidak setuju tentang keberkesanan penyampaian konten ilmiah bagi memupuk masyarakat majmuk di media sosial. Seterusnya, sangat setuju dan setuju adalah sama rata iaitu 8 orang reponden (25.8%) manakala tidak setuju seramai 3 orang responden iaitu 9.7% mengenai keberkesanan penggunaan platform media sosial dalam menyampaikan konten ilmiah bagi memupuk perpaduan masyarakat majmuk.

## 6. Perbincangan

Hal ini demikian kerana, berdasarkan kaji soal selidik melalui aplikasi Google Form yang diedarkan kepada masyarakat dan pelajar, mendapati bahawa sebahagian besar responden bersetuju mereka kerap menggunakan media sosial dalam masa sehari. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penggunaan platform media sosial dikalangan masyarakat kini berada pada tahap yang tinggi dan memberangsangkan. Ini kerana, melalui soal selidik ini juga, kita dapat mengetahui bahawa masyarakat lebih tertumpu menonton kandungan media sosial yang dipaparkan yang berunsurkan pengetahuan am dan isu semasa. Maka, secara tidak langsung tahap keberkesanan penggunaan platform media sosial sebagai medium penyebaran maklumat adalah tinggi dan terbukti di sini apabila responden memberikan maklum balas semasa soal selidik ini dijalankan. Lebih daripada separuh responden bersetuju bahawa platform media sosial merupakan medium yang lebih efektif bagi menyampaikan konten ilmiah bagi memupuk masyarakat majmuk. Tambahan pula, sejumlah responden menyokong dan bersetuju mengenai konten yang melibatkan kaum yang pelbagai. Selain itu, terdapat beberapa elemen mahupun tema yang sesuai bagi dijadikan konten untuk memupuk masyarakat majmuk seperti pemahaman kebudayaan dan kepercayaan, pendidikan, dan komunikasi antarbudaya (penggunaan Bahasa). Akan tetapi, terdapat sebahagian kecil responden menyatakan tidak bersetuju bahawa platform media sosial memberi impak positif bagi memupuk perpaduan masyarakat. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa penggunaan platform media sosial ini mempunyai potensi dan mampu memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai perpaduan sejagat namun, perlu dipergiatkan lagi kesedaran ini supaya masyarakat lebih cakna dan peka.

## 7. Kesimpulan

Kesimpulannya, adalah jelas bahawa dalam mengikuti trend kemodenan zaman ini, banyak kemudahan telah dibina untuk membolehkan orang ramai membuat carian maklumat atau konten mengikut kehendak peribadi. Teknologi yang semakin berkembang dan maju. Ini memberi kesan kepada kehidupan masyarakat yang bergerak seiring dengan perkembangan mereka, agar tidak ketinggalan maklumat terkini. Selain itu, menggunakan platform media sosial adalah sangat menguntungkan kerana ia menjadi salah satu cara untuk kita untuk mencari atau menyebarkan konten dengan maklumat yang diinginkan. Namun begitu, setiap maklumat yang ingini disampaikan perlulah tersusun dengan rapi agar maklumat tersebut tidak menjadi salah faham serta menjaga sensitiviti terhadap masyarakat. Akhir sekali, penggunaan media sosial ini bergantung kepada diri sendiri, jika dia menggunakan ke arah kebaikan maka dia akan dapat manfaat dan jika dia menggunakan ke arah melalaikan maka dia akan rugi.

## 8. Rujukan

- Batini, C., Cappiello, C., Francalanci, C. & Maurino, A. 2009. Methodologies for data quality assessment and improvement. *ACM Computing Surveys* 41(3): 1–52.
- Juminem, J. (2019). Adab Bermedia Sosial Dalam Pandangan Islam. *Geneologi PAI: Jurnal Pendidikan Agama Islam*, 6(1), 23.
- Kargar, M. J. & Azimzadeh, F. 2009. A framework for ranking quality of information on weblog. *Engineering and Technology* 56: 690–695.
- Kaplan, Andreas M; Michael Haenlein.2010. “Users of the world, unite! The challenges and opportunities of social media”. *Business Horizons* 53: 59:68.
- Mohd Azul Mohamad Salleh. 2012. The Impact of interactivity features in enhancing online communication. *Malaysian Journal of Communication* 28(2): 21–36.
- Mokhtar, M., & Hassan, H. (2021). PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL SEBAGAI MEDIUM DAKWAH ISLAM DALAM KALANGAN PENDUDUK KAMPUNG BESERAH, KUANTAN, PAHANG. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 41–48.
- Mohammad Hidayatullah dan D.I Ansusa Putra (2019). *The Role of Technology and social media in Spreading the Qur'an and Hadiths by Mubalig*. DINIKA.
- Ritchi, H., Wahyudi, I. & Susanto, A. 2015. Research program on key success factors of e-government and their impact on accounting information quality. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, hlm. 673–680
- Suhaili & Jamaluddin.(2011) *Masyarakat Majmuk dan Pendidikan Pelbagai Budaya: Refleksi dan Pengalaman Ahli Akademik*
- Zarman, W. (2023). Adab terhadap informasi digital sebagai kerangka pikir pendidikan Islam tentang etika penggunaan teknologi informasi. *Ta'dibuna: Jurnal Pendidikan Islam*, 12(5).